

Lelaki memandu di bawah pengaruh alkohol dipenjara dan didenda

SIBU: Seorang pemandu di-jatuhi hukuman penjara tujuh hari dan denda RM10,000 atau penjara tiga bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam setelah mengaku bersalah atas pertuduhan memandu di bawah pengaruh alkohol.

Majistret Oon Kork Chern memerintahkan tertuduh, Smith Roger Stanley, 35, mula menjalani hukuman penjara itu bermula daripada tarikh penjatuhan hukuman

semalam, manakala lesen memandu tertuduh digantung.

Smith terdahulu didakwa memandu di bawah pengaruh alkohol di Jalan Tuanku Osman pada 15 April 2026, jam lebih kurang 10.50 malam, dengan bacaan alkohol dalam darah sebanyak 163 miligram per 100 mililiter (mg/ml) melebihi had yang ditetapkan iaitu 50mg/100ml.

Sehubungan itu, tertuduh telah melakukan kesalahan yang dihukum mengikut

Seksyen 45A(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987, yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih dua tahun dan denda tidak kurang RM10,000 serta tidak lebih RM30,000.

Di samping itu, jika sabit dengan kesalahan, tertuduh juga dilarang mengambil atau memiliki lesen memandu bagi tempoh tidak kurang dua tahun dari tarikh sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, pihak polis trafik telah me-

nahan seorang pemandu iaitu tertuduh kerana disyaki memandu di bawah pengaruh alkohol.

Ketika ujian penafasan dengan menggunakan alat S-D2+, tertuduh didapati positif alkohol dengan bacaan alkohol dalam darah sebanyak 217mg/100ml.

Sementara ujian lanjut menggunakan alat EBA-II, menunjukkan bacaan alkohol dalam darah sebanyak 163mg/100ml.